

KEPENGUNAAN APLIKASI MUDAH ALIH *iDirectory* DALAM KALANGAN PELAJAR KOLEJ KOMUNITI PASIR GUDANG

Haslina Binti Tawyer¹, Noorashikin Binti Mustafa², Wizni Khairah Binti Mohd Nawi³

^{1, 2, 3} *Kolej Komuniti Pasir Gudang*
61, Jalan Kijang, Taman Scientex, 81700, Pasir Gudang, Johor

haslina@kkpg.edu.my¹, noorashikin@kkpg.edu.my², wizni@kkpg.edu.my³

Received 30 March 2021: Accepted 25 May 2021: Available online 1 September 2021

Abstrak

Perkembangan arus teknologi memberi impak yang besar kepada dunia kini. Ini menyebabkan dimensi dunia berwajah baru seiring dengan perkembangan zaman pada abad ke-21. Pelbagai inovasi dibangunkan seiring dengan arus permodenan bagi memberi kemudahan kepada kehidupan seharian. Sejar dengan Lonjakan Ketujuh, Ekosistem Inovasi di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia- Pengajian Tinggi (2015-2025) Unit Perhubungan Industri dan Alumni menyahut cabaran dalam membangunkan aplikasi mudah alih dalam menyampaikan maklumat berkenaan Latihan Industri dan senarai industri. *iDirectory* merupakan satu aplikasi *mobile* yang dibangunkan untuk memudahkan Unit Perhubungan Industri Dan Alumni (UPIA) menyampaikan info-info berkaitan latihan industri kepada pelajar yang akan menjalani latihan industri serta kepada pelajar yang sedang menjalani latihan industri. Antara info yang terdapat dalam *iDirectory* ialah silibus latihan industri, takwim latihan industri, senarai industri serta info-info terkini serta dokumen yang boleh di muat turun oleh pelajar. Aplikasi *iDirectory* ini boleh dicapai secara percuma melalui internet dengan memuat turun menerusi *Google PlayStore* ke dalam telefon pintar atau android. Hasil kajian menunjukkan bahawa impak dari segi aspek fizikal adalah tinggi iaitu dengan nilai min 4.48 dan Impak dari segi aspek tatacara penggunaan sistem juga tinggi iaitu dengan nilai min 4.45. Secara tidak langsung *iDirectory* dapat meningkatkan dan memperkasakan kaedah penyampaian maklumat melalui teknologi, menjimatkan kos melalui penjimatan kertas serta penjimatan masa kerana capaian maklumat lebih cepat dan mudah.

Kata kunci: Aplikasi mudah alih, *iDirectory*, latihan industri

Pengenalan


Kajian-kajian yang telah dijalankan di beberapa negara menunjukkan perkembangan dan penerimaan yang positif dalam kalangan pengguna khususnya para pelajar universiti. Di United Kingdom misalnya, Flecther (2003) melaporkan bahawa para pelajar menyokong penuh usaha penggunaan telefon pintar serta aplikasi mudah alih digunakan dalam pembelajaran dan pengoperasian di universiti. Hal ini banyak disokong oleh kebolehan telefon pintar untuk mengakses capaian Internet secara efektif menyebabkan ramai pengguna lebih gemar mencari dan mendapatkan maklumat menggunakan telefon pintar. Uys et al. (2012) melaporkan para pelajar dalam kajian mereka menghabiskan masa sebanyak 16 jam sehari secara purata untuk penggunaan telefon pintar. Walau bagaimanapun, kebanyakan masa ini digunakan untuk tujuan berinteraksi secara sosial bersama parakan serta tiada data tentang penggunaan untuk pembelajaran dilaporkan. Kajian oleh Park & Lee (2012) melaporkan bahawa secara purata, responden kajian mereka mempunyai sekitar 80 aplikasi mudahalih dalam telefon bimbit, manakala 16% daripada aplikasi tersebut digunakan secara langsung untuk tujuan pembelajaran atau yang berkaitan dengannya (pengurusan). Namun demikian, secara keseluruhan, potensi sebenar aplikasi mudahalih dalam telefon pintar sebagai platform atau sumber pengayaan pembelajaran atau pengurusan aktiviti pelajar masih perlu diperkasakan. Hal ini turut dijelaskan oleh Al-fawareh & Jusoh (2014) bahawa meskipun telefon pintar mempunyai banyak potensi untuk digunakan secara optimum untuk pembelajaran dan

pengurusan, namun tahap penggunaannya untuk tujuan ini masih pada tahap yang rendah (Alfawareh & Jusoh, 2014).


Dapatan ini secara tidak langsung tercetusnya idea dalam membangunkan aplikasi mudah alih ini kerana setiap semester, UPIA perlu menampal senarai industri dan maklumat berkaitan latihan industri di papan kenyataan. Namun beberapa minggu selepas notis tersebut ditampal akan berlaku kehilangan atau tertanggal dari papan kenyataan. Maka *iDirectory* merupakan satu aplikasi mudah alih yang dibangunkan untuk memudahkan Unit Perhubungan Industri Dan Alumni (UPIA) menyampaikan info-info berkaitan latihan industri kepada pelajar yang akan menjalani latihan industri serta kepada pelajar yang sedang menjalani latihan industri. Antara info yang terdapat didalam *iDirectory* ialah silibus latihan industri, takwim latihan industri, senarai industri serta info-info terkini serta dokumen yang boleh di muat turun oleh pelajar.

Bagi mencapai objektif melahirkan graduan yang mempunyai kebolehpasaran tinggi, bakal majikan juga boleh menghubungi lelasan pelajar yang telah tamat belajar untuk menawarkan pekerjaan.

Sehubungan itu, *iDirectory* ini dibangunkan bagi kegunaan Unit Perhubungan Industri Dan Alumni Kolej Komuniti Pasir Gudang, pelajar, lelasan pelajar dan juga bakal majikan atau industri yang ingin menawarkan pekerjaan kepada lelasan pelajar.



Rajah 1: Gambarajah antaramuka *iDirectory* (Menu Pelajar)



Rajah 2: Gambarajah antaramuka *iDirectory* (Menu Majikan)

Latarbelakang kajian/pernyataan masalah

Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) menunjukkan bahawa 60% pekerjaan daripada 1.5 juta pekerjaan memerlukan kelayakan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Kini TVET bukan lagi pilihan alternatif dalam aliran pendidikan perdana. TVET merupakan pemacu kepada perubahan menghasilkan modal insan berkemahiran dan penjana pertumbuhan ekonomi negara. Dengan arus perdana aliran TVET, akses kepada program TVET berkualiti perlu diperluas.

Kolej Komuniti Pasir Gudang merupakan salah satu institusi TVET negara yang sentiasa berusaha mendepani cabaran perubahan teknologi, perkembangan revolusi perindustrian 4.0, landskap pekerjaan untuk menawarkan gaya pembelajaran generasi masa kini. Kolej Komuniti amnya perlu membentuk komuniti pelajar yang mendahagakan ilmu dan sentiasa bersedia untuk memperoleh kemahiran dan pengetahuan baharu dalam alam pekerjaan. Pembentukan budaya pembelajaran berasaskan pembelajaran abad ke-21 juga akan mengekalkan minat dan menyemai bakat komuniti pelajar untuk kehidupan yang lebih bermakna.

Objektif kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap pemilikan dan penggunaan perisian aplikasi *iDirectory* di kalangan semester akhir dan pelajar yang sedang menjalani latihan industri. Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk mengetahui:

1. Apakah tahap penggunaan dan interaksi penggunaan aplikasi mudah alih oleh pelajar.
2. Sejauhmana kebolehgunaan dan keberkesanan oleh pelajar terhadap aplikasi *iDirectory*.

Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian yang digunakan adalah berbentuk set soal selidik untuk memperolehi data daripada responden. Mohd Majid (2004) berpendapat bawa soal selidik merupakan alat ukur yang digunakan di dalam penyelidikan pendidikan bagi mendapatkan maklumat berkaitan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya. Soal selidik lebih praktikal dan berkesan untuk digunakan untuk populasi yang besar. Oleh itu, melalui kaedah ini pengkaji dapat menerima maklum balas terhadap aspek yang dikaji terus daripada responden. Kajian dijalankan keatas pelajar yang menjalani latihan industri Sesi Jun 2020 Kolej Komuniti Pasir Gudang dan pelajar yang telah menjalani latihan industri pada Sesi Disember 2019 Kolej Komuniti Pasir Gudang. Iaitu seramai 109 orang responden. Instrumen soal selidik terbahagi kepada 3 bahagian iaitu demografi responden iaitu jantina dan program responden. Bahagian 2 melibatkan aspek fizikal sistem dimana ia menggunakan skala likert lima mata dengan skor 1, 2, 3, 4, dan 5 yang meminta responden-responden menyatakan kekuatan pendapat mereka (daripada sangat tidak bersetuju kepada sangat bersetuju) terhadap item-item yang dikemukakan. Dan Bahagian 3 melibatkan aspek tatacara penggunaan sistem dimana bahagian ini menggunakan skala likert lima mata dengan skor 1, 2, 3, 4 dan 5 yang meminta responden-responden menyatakan kekuatan pendapat mereka (daripada sangat tidak bersetuju kepada sangat bersetuju) terhadap item-item yang dikemukakan.

Jadual 1: Skala likert lima mata


| Keterangan | Markah |
|---------------------|--------|
| Sangat Tidak Setuju | 1 |
| Tidak Setuju | 2 |
| Kurang Setuju | 3 |
| Setuju | 4 |
| Sangat Setuju | 5 |

Kajian ini menganalisis data menerusi kaedah kuantitatif menggunakan perisian ‘*Statistical Package for the social science*’ (SPSS) bagi memperoleh dapatan kajian yang tepat, mudah dan mampu menjawab segala persoalan kajian yang dijalankan pengkaji. Data kuantitatif yang diperolehi dianalisis menggunakan analisis deskriptif.

Keputusan dan Perbincangan

Dapatan kajian

Seramai 109 responden kajian keberkesanan aplikasi mudah alih *iDirectory*. Ia terdiri daripada 69.7% adalah pelajar perempuan dan 30.3% adalah pelajar lelaki seperti yang ditunjukkan di Carta 1. Carta 2 menunjukkan peratusan responden mengikut program. Sebanyak 32.1% terdiri daripada Program Sijil Teknologi Maklumat, 24.8% daripada Program Sijil Fesyen Dan Pakaian, 16.5% daripada Program Sijil Terapi Kecantikan Dan Spa, 14.7% daripada Program Sijil Dandan Rambut dan 11.9% daripada Program Sijil Pengoperasian Perniagaan.



Carta 1: Jantina responden



Carta 2: Program responden

Data kajian yang menggunakan skor min bagi setiap item diinterpretasi menggunakan Skala Interpretasi Skor Min (Pallant, 2007) sebagaimana Jadual 2 dibawah.

Jadual 2: Skala interpretasi skor min

| Skor Min | Tahap Intepretasi Min |
|-------------|-----------------------|
| 0.00 – 1.66 | Rendah |
| 1.67 – 3.33 | Sederhana |
| 3.34 – 5.00 | Tinggi |

Jadual 3 dibawah menunjukkan nilai skor min bagi aspek tatacara fizikal sistem. Bagi item, capaian aplikasi dari google playstore diketahui pengguna dan boleh berfungsi dengan baik, hasil dapatan nilai skor min adalah 4.45. Manakala item, aplikasi boleh dicapai pada bila-bila masa nilai skor min adalah 4.51. Nilai skor min 4.44 bagi item grafik dan kombinasi warna pada paparan aplikasi iDirectory menarik dan item paparan antaramuka *iDirectory* dipersembahkan dengan gaya mudah dan menarik memperolehi nilai skor min 4.39.

Jadual 3: Nilai skor min aspek fizikal sistem

| Aspek Fizikal Sistem | | Nilai Skor Min |
|----------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------|
| i | Capaian aplikasi dari <i>google playstore</i> diketahui pengguna dan boleh berfungsi dengan baik | 4.55 |
| ii | Aplikasi boleh dicapai pada bila-bila masa | 4.51 |
| iii | Grafik & kombinasi warna pada paparan aplikasi <i>iDirectory</i> menarik | 4.44 |
| iv | Paparan antaramuka <i>iDirectory</i> dipersembahkan dengan gaya mudah dan menarik. | 4.39 |

Jadual 4 dibawah menunjukkan nilai skor min bagi aspek tatacara penggunaan sistem. Hasil dapatan menunjukkan item, manual pengguna yang disediakan mudah difahami mendapat nilai skor min 4.40, dapatan nilai skor min 4.49 pada item aplikasi menerusi telefon bimbit mudah digunakan. Manakala item aplikasi *iDirectory* ini mudah digunakan tanpa bantuan orang lain memperolehi nilai skor min 4.46. Nilai skor min 4.42 pada item aplikasi ini memerlukan masa yang singkat untuk dikuasai. Item pengguna bebas untuk meneroka maklumat mendapat nilai skor min 4.45 dan nilai skor min 4.46 pada item pengguna bebas untuk keluar dari aplikasi pada bila-bila masa.

Jadual 4: Nilai skor min aspek tatacara penggunaan sistem

| Aspek Tatacara Penggunaan Sistem | | Nilai Skor Min |
|----------------------------------|--------------------------------------------------------------------------|----------------|
| i | Manual pengguna yang disediakan mudah difahami. | 4.40 |
| ii | Aplikasi menerusi telefon bimbit mudah digunakan. | 4.49 |
| iii | Aplikasi <i>iDirectory</i> ini mudah digunakan tanpa bantuan orang lain. | 4.46 |
| iv | Aplikasi ini memerlukan masa yang singkat untuk dikuasai. | 4.42 |
| v | Pengguna bebas untuk meneroka maklumat | 4.45 |
| vi | Pengguna bebas untuk keluar dari aplikasi pada bila-bila masa | 4.46 |

Hasil kajian menunjukkan tahap impak dari segi aspek fizikal sistem *iDirectory* dalam kalangan pengguna pada tahap tinggi (4.48). Begitu juga dengan tahap impak dari segi aspek tatacara penggunaan pada tahap tinggi (4.45). Ini menjadikan Nilai Skor Min keseluruhan bagi kedua-dua impak adalah 4.47. Di mana tahap impak aplikasi *iDirectory* dalam kalangan pelajar KKPG pada tahap tinggi. Ini menunjukkan pelajar KKPG tiada masalah dalam penggunaan aplikasi *iDirectory* ini.

Jadual 5: Nilai skor min impak penggunaan *iDirectory*

| | N | Minimum | Maximum | Skor Min | Ukuran Tahap |
|-------------------------------------------|-----|---------|---------|----------|--------------|
| Impak dari segi aspek fizikal | 109 | 3.25 | 5.00 | 4.48 | Tinggi |
| Impak dari segi aspek tatacara penggunaan | 109 | 3.50 | 5.00 | 4.45 | Tinggi |

Kesimpulan

Melalui keputusan yang diperolehi menunjukkan bahawa tahap literasi yang tinggi bagi pemahaman dan penggunaan alatan dan aplikasi mudah alih dikalangan pelajar Kolej Komuniti Pasir Gudang.

Penghargaan

Setinggi penghargaan diberikan kepada pengurusan tertinggi KKPG diatas sokongan dalam membangunkan aplikasi mudah alih *iDirectory* bagi kegunaan UPIA. Tidak lupa juga penghargaan terhadap pelajar melalui kajian soalselidik untuk memastikan maklumbalas terhadap perlaksanaan aplikasi *iDirectory* dapat dikenalpasti untuk rujukan pada masa hadapan.

Rujukan

- Mohamad Zabidi bin Zainal (2011), Akta dan Pekeliling, Surat Arahan Ketua Pengarah Mampu, *Amalan Terbaik Penggunaan Media Jaringan Sosial Di Sektor Awam*, Apr 9, 2011, (<http://www.mampu.gov.my/>)
- Chokri, B. (2015). The Effectiveness of WhatsApp Mobile Learning Activities Guided by Activity Theory on Students' Knowledge Management. *Contemporary Educational Technology*, 6(3):221-238.
- Hafizul Fahri Hanafi & Khairulanuar Samsudin. (2012). Mobile Learning Enviroment System (MLES): The Case Android-based Learning Application on Undergraduates Learning. *International Journal of Advanced Computer Science and Applications*, 3(3): 63-66.
- Norliza A. Rahim. (2013). Penggunaan Mobile Learning (M-Learning) Untuk Tujuan Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan UTHM. Tesis Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional. UTHM.
- Quinn, C. (2002). M-Learning: Mobile, Wireless, in your Pocket Learning. Dicapai pada Disember 26, 2016 dari <http://www.linezine.com/2.1/features/cqmmwiyp.htm>.
- Mohd Suzeren Md Jamil, Roslee Rajikan, Noor Alaudin Abdul Wahab, Shahrul Nazmi Sannusi & Muhammad Hamiduddin Saat (2019). Kebolehgunaan dan Kesan Aplikasi Mudah Alih (Mobile Apps) dalam Minggu Mesra Mahasiswa UKM